

# Tony Pua berlagak menteri

UM - 8/12/2021 m/s: 4

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**

juani.bakar@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan Ahli Parlimen Damansara, Tony Pua bersikap angkuh dan berlagak seperti menteri semasa menjadi Setiausaha Politik.

Menurut Dr. Mahathir, sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan ketika itu, Lim Guan Eng, Tony sepatutnya memberikan laporan mengenai politik negara dan bukannya ke sana ke sini melaksanakan dasar kerajaan.

Ahli Parlimen Langkawi itu menambah sikap demikian telah menyebabkan menolak komuniti perniagaan menolak kerajaan Pakatan Harapan (PH).

“Saya hanya memetik satu contoh, tetapi ada ahli perniagaan lain memberitahu saya bahawa dia (Tony) sangat angkuh. Itu perkataan yang mereka gunakan, dia berkelakuan seolah-olah menteri.

“Guan Eng berpendapat kera-



**Guan Eng berpendapat kerajaan bekas Perdana Menteri, Datuk Najib Tun Razak menyeleweng dan dia patut membatalkan semua kontrak.”**

jaan bekas Perdana Menteri, Datuk Najib Tun Razak menyeleweng dan dia patut membatalkan semua kontrak dibuat dengan kerajaan terdahulu tetapi bila buat begitu, anda menjejaskan kontraktor dan sesiapa sahaja termasuk pekerja, pembekal dan syarikat sokongan.

“Justeru kita tidak boleh buat begitu saja kepada kontraktor atau mengurangkan nilai

kontrak secara paksa,” katanya dalam sidang akhbar ketika majlis pelancaran buku memoir bertajuk *Capturing Hope: The Struggle Continues for a New Malaysia* di ibu negara semalam.

Dr. Mahathir berkata, Tony sepatutnya tahu batas tanggungjawab sebagai Setiausaha Politik, namun beliau telah bertindak sebaliknya.

Sementara itu, Tony ketika menjawab kritikan Dr. Mahathir itu mendakwa bekas Perdana Menteri itu sebagai terlalu selektif dan cenderung mempercayai kata-kata seorang ahli perniagaan dari Indonesia, Djoko Tjandra yang disabitkan atas kesalahan pemalsuan dan rasuah dan kini dipenjar.

Beliau berkata, tuduhan merujuk kepada pembinaan bangunan Exchange 106 milik Tjandra, antara projek kontroversi Tun Razak Exchange ketika era pentadbiran Najib Tun Razak.

Najib meluluskan pinjaman RM1.8 bilion menerusi jaminan kerajaan kepada Tjandra melalui Mulia Property sebagai per-

tukaran untuk memperoleh 51 peratus pegangan hak milik sementara projek itu.

Kementerian Kewangan juga hak membeli keseluruhan baki 49 peratus projek itu daripada Mulia pada harga RM1 jika pinjaman berkenaan tidak dijelaskan dalam tempoh ditetapkan.

Katanya, Guan Eng kemudian mengambil keputusan kepada Mulia Property hendaklah diperbetulkan.

“Mungkin saya menjadi sasaran mudah kepada sesiapa tidak berpuas hati dengan tindakan Kementerian Kewangan menangani masalah ditinggalkan Najib atau mungkin Mahathir sendiri berat sebelah atau prejudis terhadap saya. Apa pun, cara paling senang untuk membuat Mahathir marah ialah dengan mendakwa ada orang perniagaan besar tertentu yang tidak dilayan secara adil,” katanya.

Katanya, Dr. Mahathir seharusnya berbangga dengan beliau kerana memainkan peranan dalam melindungi hak pembayar cukai Malaysia.